



CEMERLANG: Pasukan Orkestra SSAS memenangi Anugerah Perak pertandingan Wind Orchestra antarabang

Sekolah klu

B.H 13/08/08 M/S 16

Orkestra Sekola Putrajaya cipta

Sekolah
TERBILANG

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bharian.com.my

DALAM usaha melonjakkan kecemerlangan, Sekolah Sultan Alam Shah (SSAS), Putrajaya sudah memanfaatkan kira-kira 87 peratus daripada sebahagian peruntukan khas RM500,000 Sekolah Kluster yang diagihkan Kementerian Pelajaran pada Mac lalu.


Pengetuannya, Mohamad Kamaludin Taib, berkata bajet itu untuk membiayai Pasukan Orkestra SSAS yang mengambil bahagian pada pertandingan Wind Orchestra sempena Singapore International

Band Festival di Singapura, Julai lalu.

Katanya, pelaburan itu berbaloi apabila SSAS memenangi Anugerah Perak setelah tersenarai antara empat pasukan terbaik daripada 18 pasukan yang mengambil bahagian, sekali gus melakar sejarah kemenangan sulung pasukan itu pada peringkat global.

Namun, kesempatan pasukan SSAS mendapat tunjuk ajar daripada pelatih orkestra antarabangsa menerusi sesi bengkel sempena pertandingan itu adalah pengalaman berharga yang tiada bandingannya dengan pengiktirafan diterima.

"Kementerian Pelajaran mengagihkan sebahagian daripada peruntukan khas kepada



Mohamad Kamaludin



angsa di Singapura, baru-baru ini.



KEBANGGAAN NEGARA: Pasukan Or

aster cemerla

ah Sultan Alam Shah, nama peringkat dunia

kumpulan pertama 30 sekolah kluster termasuk SSAS pada Mac lalu dan kami memanfaatkannya untuk membangunkan empat bidang kebitaraan disenaraikan dalam Kertas Cadangan Sekolah Kluster SSAS.

“Antaranya mengantarabangsakan pasukan orkes- tra SSAS dengan meluaskan penyertaan ke pertandingan Wind Orchestra peringkat global setelah kejayaan pasu- kan itu terbukti di peringkat tempatan dengan mencatat kemenangan tiga tahun ber- turut-turut mulai 2005 hingga tahun lalu.

“Sempena pertandingan itu, peserta turut menghadiri bengkel bersama jurulatih ternama Wind Orchestra yang

INFO

Sejarah SSAS

- 7 Februari 1963: Penubuhan Sekolah Alam Shah
- 26 April 2003: Perpindahan sekolah dari Bandar Tun Razak ke Putrajaya
- 25 Mac 2006: Pertukaran nama daripada Sekolah Alam Shah kepada Sekolah Sultan Alam Shah
- 7 Ogos 2006: SSAS dijadikan sekolah naungan Sultan Selangor
- 30 Mac 2007: SSAS diisytihar sebagai Sekolah Kluster Cemerlang

menunjukkan kaedah men- ningkatkan mutu persemba- han peserta. Ciri nilai tambah yang ada dalam pertandingan peringkat antarabangsa seumpama inilah yang menye- babkan ia dijadikan indeks prestasi utama penilaian seko- lah kluster,” katanya.

Mohamad Kamaludin, ber- kata peruntukan itu turut dimanfaatkan tiga lagi bidang kebitaraan sekolah itu iaitu sukan ragbi, kegiatan Baha- sa Inggeris dan Matematik Tambahan.

Katanya, bagi memastikan pasukan ragbi sekolah itu terus digeruni di peringkat Wilayah Persekutuan dan seterusnya mencatat kejayaan peringkat kebangsaan, lati- han pasukan pelapis pelajar



Orkestra SSAS membuat persembahan pada pertandingan Wind Orchestra antarabangsa di Singapura.

ng



CANGGIH: Bangunan SSAS Putrajaya dengan kos pembinaan RM54 juta antara Sekolah Berasrama Penuh termahal di negara ini.

Tingkatan Satu hingga Lima diadakan secara berterusan dan kemudahan peralatan gimnasium.

Beliau, berkata pembabit pelajar SSAS dalam kegiatan berbahasa Inggeris dimantapkan dengan memperluaskan penyertaan terutama dalam pertandingan drama serta debat bagi membudayakan penggunaan bahasa kedua itu di kalangan pelajar sekolah berkenaan.

“Pemilihan Matematik Tambahan sebagai bidang kebitaraan pula bertujuan meningkatkan penguasaan pelajar bagi subjek itu menerusi penyertaan dalam pertandingan seperti Olimpiad Matematik supaya mereka tidak ‘fobia’ terhadapnya,” katanya.

Mohamad Kamaludin berkata, sesuai pemilikan lima status iaitu Sekolah Berasrama Penuh (SBP), SBP Premier, Sekolah Kluster, Sekolah Bestari dan Sekolah Showcase, SSAS tidak mudah berpuas hati dengan empat

bidang kebitaraan, malah, bercadang menempa kejayaan dalam sukan mendayung sebagai satu lagi tambahan usaha melonjakkan kecemerlangan sekolah berkenaan.

“Surat cadangan dan permohonan peruntukan untuk menjadikan sukan mendayung sebagai bidang kebitaraan kelima sudah dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran untuk kelulusan.

“Sementara menunggu kelulusan itu, latihan pasukan mendayung kami yang aktif menyertai pelbagai pertandingan kini sudah mula dijalankan latihan setiap Sabtu di Kelab Tasik Putrajaya di bawah bimbingan Persatuan Mendayung Malaysia,” katanya.

“Peruntukan itu turut dimanfaatkan tiga lagi bidang kebitaraan sekolah iaitu sukan ragbi, kegiatan Bahasa Inggeris dan Matematik Tambahan”

Mohamad Kamaludin
Pengetua SSAS